

Dua kawasan baharu kes denggi

Taman Baiduri dan Taman Sari kawasan yang aktif

NURUL FIRDAUS KHAIRI

BANTING

Pegawai Kesihatan Daerah Kuala Langat mengenalpasti dua kawasan baharu melibatkan kes denggi yang perlu ditangani segera.

Pegawai Kesihatan Daerah Kuala Langat, Dr Wan Ahmad Razman Wan Abdul Salim berkata, dua kawasan itu adalah di Taman Baiduri dan Taman Sari yang menunjukkan kawasan aktif denggi.

Menurutnya, pada tahun ini sahaja sebanyak 250 kes yang dilaporkan sehingga pihaknya terpaksa mengadakan beberapa siri pemantauan bagi mengelakkan pembiakan nyamuk Aedes berlaku.



Sebahagian penduduk yang terlibat dalam aktiviti pencegahan nyamuk Aedes.

"Kita dapati kawasan baharu ini wujud disebabkan persekitaran rumah penduduk terdapat pembiakan nyamuk Aedes termasuk menjumpai bekas-bekas yang boleh menyebabkan pembiakan nyamuk Aedes berlaku.

"Penduduk disaran memainkan peranan untuk mencegah denggi secara berterusan dan sekiranya mengalami demam panas juga diarahkan mendapat rawatan awal

bagi mengelakkan kematian dan mencegah penularan penyakit demam denggi," katanya kepada pemberita mengulas mengenai kempen kesedaran mengenai bahaya penyakit demam yang dijalankan serentak di daerah Kuala Langat, semalam.

Wan Ahmad berkata, kempen itu melibatkan 26 kawasan lokaliti yang disertai oleh ahli combi, kawasan rukun tetangga, pen-

duduk, sukarelawan, persatuan penduduk, ahli majlis, ketua kampung dan komuniti setempat.

Katanya, kempen itu bertujuan untuk menyedarkan masyarakat tentang bahaya penyakit demam denggi serta langkah langkah yang perlu diambil oleh semua penduduk dalam mencegah dan mengawal penyakit demam denggi daripada berlaku dan merebak.

"Kes demam denggi yang di-

info • 250 kes yang dicatatkan tahun ini, terpaksa perbanyakkan pemantauan untuk elak pembiakan Aedes

laporkan di daerah Kuala Langat agak tinggi dan membimbangkan.

"Peranan semua pihak terutama penduduk itu sendiri sangat diperlukan untuk sama-sama membantu menangani isu denggi dan kenyataan bahawa kawalan denggi hanya dilakukan oleh pihak pejabat kesihatan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sahaja tidak benar dan perlu diubah," katanya.

Beliau berkata, kes denggi yang berlaku kebanyakannya berpunca dari rumah penduduk yang kurang diberi kerjasama kepada petugas anggota kesihatan apabila melakukan pemeriksaan ke rumah dan "fogging".

Dalam kempen tersebut, pihaknya turut mempromosikan kempen supaya setiap penduduk dapat meluangkan masa 10 minit untuk melakukan pembersihan di rumah.